



Sabda baginda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Janganlah engkau jadikan rumah-rumahmu sebagai kuburan kerana sesungguhnya syaitan akan lari dari rumah-rumah yang di dalamnya dibacakan surah al-Baqarah”.*

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### **Keluargaku yang dikasihi Allah!**

Semasa wabak COVID-19 ini, patuhilah segala perintah Kerajaan Malaysia untuk menjaga kesihatan diri dengan membudayakan hidup bersih dan sihat serta memakan makanan yang berzat, sentiasa memakai topeng muka, mendisinfeksi tangan dengan *hand sanitizer* serta kerap mencuci tangan dengan air dan sabun.

Kita juga hendaklah sentiasa mengamalkan syor Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengelakkan diri daripada 3C iaitu:

1. *Crowded Places* (kawasan sesak)
2. *Confined Spaces* (tempat sempit)
3. *Closed Conversation* (perbualan jarak dekat)

Oleh itu, amalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu meter untuk menghindarkan diri kita daripada penularan wabak COVID-19. Saranan dan syor Kerajaan ini sesuai dengan perintah Allah SWT melalui penjagaan dan pemeliharaan *Maqasidus Syariah*.

*Maqasidus Syariah* adalah tujuan yang dikehendaki Allah SWT dalam setiap hukum yang Allah tetapkan untuk kebaikan hamba-hamba-Nya. Kepentingan menjaga *Maqasidus Syariah* telah dijelaskan oleh al-Quran dengan terang sebagai pemelihara kemaslahatan manusia untuk manfaat mereka dan menghindarkan kemudaratan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### **Keluargaku yang dirahmati Allah!**

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan tempoh PKP Bersyarat ini, anugerah dan kasih sayang yang Allah SWT kurniakan kepada kita ialah nikmat kebersamaan bersama keluarga tercinta. Dalam bulan Syawal yang mulia ini mahupun sebelumnya, kita dapat menyemarakkan kasih sayang yang terkadang kurang diberi perhatian kerana kesibukan tugas dan sebagainya.

Semasa berada di rumah, kita dapat melakukan solat fardhu, solat tarawih, solat witir berjemaah, membaca dan mentadabbur al-Quran serta ibadah-ibadah lain dengan penuh kasih sayang bersama keluarga tercinta. Hargailah nikmat iman dan perasaan kasih sayang yang Allah SWT limpahkan kepada keluarga kita ini dengan penuh rasa kesyukuran. Semoga kita semua dihimpunkan bersama Rasulullah SAW dan sekalian orang beriman yang merupakan keluarga besar kita di syurga kelak.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَالْعَصْرِ ۝١ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۝٢ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا  
وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصُوا بِالحَقِّ وَتَوَّصُوا بِالصَّبْرِ ۝٣

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلِكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

